

Jika Pas-DAP memerintah

Islam boleh

12 JUN 1990

hancur: PM

Oleh IBRAHIM MOHAMAD

KAMPUNG RAJA (BESUT), Isnin — Islam boleh hancur sekiranya Pas bekerjasama dengan DAP untuk memerintah negara ini, tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini, katanya, kerana pemimpin Pas tidak berkelakuan seperti seorang Islam sejati manakala pemimpin DAP sentiasa menentang Islam.

Beliau bertanya kenapa Pas sanggup bekerjasama dengan DAP jika parti itu benar-benar mahu menegakkan negara Islam, sedangkan pemimpinnya menyedari DAP berpegang teguh kepada ideologi sekularnya dan sentiasa menentang apa saja unsur Islam yang dilakukan oleh kerajaan hari ini.

Berucap di majlis perjumpaan dengan pemimpin Umno bahagian Besut di Dewan Majlis Daerah Besut di sini, hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Pas sanggup "menjual ayat Quran dengan harga yang murah" semata-mata untuk kepentingan politik pemimpinnya.

"Bagaimana mereka mahu mendirikan negara Islam, sedangkan apa yang sepatut-

nya mampu mereka lakukan sekarang, tidak dilakukan. Sebaliknya mereka mengajar perpecahan sesama Islam hingga wujudnya sembahyang dua imam, dua masjid dan dua kubur," tanya beliau.

Presiden Umno itu turut menyelar Semangat 46 kerana menghasut Tunku Abdul Rahman sehingga mengeluarkan kata-kata kononnya Umno dipimpin oleh dajal.

Katanya, beliau tidak marah dengan tuduhan Tunku itu kerana beliau sedar kata-kata seumpama itu terbit daripada hasutan pemimpin parti pembangkang itu.

"Tuduhan kononnya Umno dipimpin oleh dajal dibuat oleh iblis yang sentiasa bertenggok di atas bahu pemimpin-pemimpin Semangat 46," katanya.

Perdana Menteri berkata, Tunku yang sudah tua itu sepatutnya duduk di rumah "memegang tasbih dan beramal kepada Tuhan."

Menurutnya, apa yang dilakukan oleh pemimpin Semangat 46 sekarang bukan sefakat menghasut Tunku, tetapi turut mengganggu, menghasut, menekan dan mengugut pegawai kerajaan.

"Apa pun yang dikatakan oleh Tunku terhadap Umno dan diri saya tidak akan menyebabkan saya memarahinya kerana saya sentiasa menghormatinya sebagai Bapa Malaysia dan Bapa Kemerdekaan," tegasnya.

Beliau mengingatkan rakyat bahawa Semangat 46 adalah sebuah badan bera-

singan yang tiada kena mengena dengan perjuangan dan semangat yang ditunjukkan oleh Umno pada 1946.

"Bagaimana parti itu mahu memperjuangkan apa yang diperjuangkan oleh Umno pada 1946 sedangkan sebilangan besar pemimpinnya masih 'berhingus' pada ketika itu," katanya.

Lagipun, katanya, apa yang dilakukan oleh Semangat 46 sekarang, iaitu bekerjasama dengan DAP, tidak pernah diakukan oleh Umno sebelum ini.

"Bagaimana kita mahu memilih mereka untuk mentadbir negara ini, sedangkan kita tahu DAP adalah sebuah parti yang mengutamakan kepentingan peribadi dan kaum tertentu saja," katanya.

Perdana Menteri menyifatkan DAP sebagai sebuah parti diktator yang berusaha mewujudkan pemerintahan dinasti.

Menurutnya, Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, mahu jawatan yang dipegangnya sekarang kekal seumur hidup dan sedang melatih anaknya, Lim Eng Guan, untuk menggantikan beliau nanti.

"Bentuk hirarki yang diamalkan oleh parti itu serupa dengan apa yang dipraktikkan oleh parti komunis di mana setiasusaha agung lebih berkuasa daripada presiden.

"Semua orang tahu bahawa Timbalan Setiausaha Agung, Encik Lee Lam Thye lebih popular daripada Encik Lim, tetapi beliau (Encik Lee) tidak mungkin dapat naik ke atas atau mencabar Encik Lim," katanya.